

KOMPETENSI GURU TERHADAP PERANCANGAN RANCANGAN
PENDIDIKAN INDIVIDU DAN PERKEMBANGAN MURID SEKOLAH
PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN

NOR FAUZIYANA BINTI MOSBIRAN

Laporan kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

OGOS 2023

DEDIKASI

Buatmu Abah dan Emak yang dikasihi,
Doamu, nasihatmu, dan pengorbananmu menjadi pelita
Serta panduan perjuanganku dalam kehidupan ini...

Buatmu suamiku dan anak-anak yang dicintai,
Dirimu amat bermakna dalam diri ini,
Kejayaanku, kejayaanmu jua...

Buatmu pembimbing yang disanjung,
Bimbingan, tunjuk ajar, dan jasmu yang diberikan
tidak akan daku lupakan...

Buat teman-teman yang dirindui,
Kejujuran dan keikhlasan dalam persahabatan ini
akan daku kenang selamanya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan berkat-Nya, dapatlah penulis menyiapkan laporan penyelidikan bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Teknik dan Vokasional dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, penulis juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan penulis insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohamad Zaid Bin Mustafa selaku penyelia tesis yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing penulis sepanjang melaksanakan kajian ini.

Terima kasih penulis juga kepada keluarga tercinta yang telah memberikan komitmen yang tinggi dan amat memahami tugas penulis sebagai seorang pelajar pengajian jarak jauh. Penghargaan, pengertian dan pengorbanan suami, Mohd Norazmi bin Nordin serta anak-anak Muhammad Adam Al Fateh Bin Mohd Norazmi, Adib Farrel Bin Mohd Norazmi dan Fathia Arissa Binti Mohd Norazmi. Tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga yang amat disayangi Mosbiran Bin Mardi, abah, Hanim Binti Hussin, emak, Nor Fauziyani Binti Mosbiran, kembar, dan adik tersayang iaitu Muhammad Firdaus Bin Mosbiran dan Nur Farah Aida Binti Mosbiran yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini.

Di samping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman rapat di atas segala pertolongan, dorongan, dan sokongan moral kalian yang tidak berbelah bahagi. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada warga pendidik di sekolah pendidikan khas bermasalah pendengaran yang telah memberikan kerjasama dan bantuan sepanjang penulis menjalankan kajian ini. Akhir kata, sekalung penghargaan dan budi buat semua warga Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Universiti Tun Hussein Onn sepanjang pengajian saya di sini. Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) sentiasa menjadi isu dan persoalan yang membelenggu guru-guru pendidikan khas dalam perancangan dan aplikasinya terhadap murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Antara faktor utama yang menyebabkan isu ini berlaku adalah kompetensi guru-guru pendidikan khas dalam merancang dan melaksanakannya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kompetensi guru dalam perancangan RPI terhadap MBPK bermasalah pendengaran di SPK dan juga hubungan kepada perkembangan MBPK. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah melibatkan kaedah tinjauan sepenuhnya. Terdapat dua fasa dalam proses kajian ini. Pada fasa pertama, kajian keperluan dijalankan dengan merujuk kepada tinjauan literatur. Pada fasa kuantitatif pula, elemen-elemen yang diperoleh melalui tinjauan literatur, digunakan untuk menyediakan set soal selidik. Soal selidik yang telah dikemaskini diedarkan kepada 305 orang guru-guru SPK seluruh Malaysia. Hasil analisis mendapati bahawa terdapat lima elemen kompetensi yang terlibat iaitu pengalaman, kemahiran, kesediaan, kelayakan dan pengetahuan. Dapatan turut menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru dalam merancang RPI adalah sederhana, meliputi kesemua elemen-elemen tersebut. Analisis seterusnya mendapati bahawa kompetensi guru mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan perancangan RPI dan perkembangan MBPK pendengaran. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa, guru perlu meningkatkan kompetensi dari segi pengalaman, kemahiran, kesediaan, kelayakan dan pengetahuan agar dapat merancang RPI kepada MBPK pendengaran dengan lebih baik. Hasil kajian ini juga selari dengan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan. Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada guru-guru di SPK dalam merancang dan melaksanakan RPI terhadap MBPK masalah pendengaran.

ABSTRACT

The implementation of the Individual Education Plan (RPI) has always been an issue and question that plagued special education teachers in its planning and application to students with special educational needs (MBPK). This study aims to identify the level of teacher competence in the implementation of RPI on hearing impaired MBPK in SPK and also the relationship to MBPK achievements. The study design used is fully survey methods. There are two phases in the process of this study. In the first phase, a needs study was conducted with reference to the literature review. In the quantitative phase, the elements obtained through thematic analysis, are used to develop a set of questionnaires. The updated questionnaire was distributed to 305 SPK teachers throughout Malaysia. The results of the analysis found that there are five competency elements involved, namely experience, skills, readiness, qualifications and knowledge. The findings also showed that the teacher's competency level in planning RPI was moderate, covering all the elements. Subsequent analysis found that teacher competency had a positive and significant relationship with RPI planning and the development of MBPK hearing impairment. The results of this study show that, teachers need to improve their competency in terms of experience, skills, readiness, qualifications and knowledge in order to better plan RPI to MBPK hearing impairment. The results of this study are also in line with previous relevant studies. The findings of this study hopefully be a guide for teachers in SPK in planning and implementing RPI on MBPK hearing impaired.

KANDUNGAN

	TAJUK	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	<i>ABSTRACT</i>	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latarbelakang Kajian	4
	1.2 Penyataan Masalah	10
	1.3 Objektif Kajian	12
	1.4 Persoalan Kajian	13
	1.5 Hipotesis Kajian	14
	1.6 Kerangka Konsep Kajian	14
	1.7 Kepentingan Kajian	14
	1.7.1 Aspek Akademik	15
	1.7.2 Aspek Praktikal	15
	1.8 Skop Kajian	16
	1.9 Batasan Kajian	16
	1.10 Definisi Istilah dan Operasi	17
	1.10.1 Rancangan Pendidikan Individu	17
	1.10.2 Murid Berkeperluan Khas	17
	1.10.3 Kompetensi Guru	17

	1.10.4 Perkembangan Murid	18
	1.11 Rumusan	18
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	19
	2.0 Pengenalan	19
	2.1 Kerangka Teori Kajian	19
	2.2 Teori Kompetensi Spencer	20
	2.3 Teori Kecerdasan Pelbagai Gardner	23
	2.4 Teori Perkembangan Kanak-Kanak Piaget	25
	2.5 Kompetensi Guru	27
	2.6 Rancangan Pendidikan Individu	34
	2.7 Perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	38
	2.8 Kompetensi Guru dan Rancangan Pendidikan Individu	43
	2.9 Kompetensi Guru dan Perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	45
	2.10 Rancangan Pendidikan Individu dan Perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	46
	2.11 Hubungan Antara Kompetensi Guru, Rancangan Pengajaran Individu dan Perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	48
	2.12 Rumusan	49
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	50
	3.0 Pengenalan	50
	3.1 Rekabentuk Kajian	50
	3.2 Proses Kajian	51
	3.2.1 Fasa 1: Kajian Keperluan	51
	3.2.2 Instrumen Kajian (Soal Selidik)	53
	3.2.2.1 Kesahan Muka dan Kandungan	54
	3.2.2.2 Kebolehpercayaan Soal Selidik	57
	a) Kajian Rintis	57

3.2.3	Fasa 2: Kajian Sebenar	58
3.3	Prosedur Kajian	58
3.4	Populasi Kajian	59
3.4.1	Sampel Kajian	59
3.5	Analisis Data Kajian	60
3.6	Rumusan	61
BAB 4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	62
4.1	Pengenalan	62
4.2	Analisis Data Kuantitatif	62
4.2.1	Penyaringan Data	62
4.2.1.1	Samakan Soal Selidik	63
4.2.1.2	Ujian Kenormalan Data	63
4.3	Analisis Data Demografi	64
4.4	Persoalan Kajian 1: Apakah elemen-elemen kompetensi guru terhadap perancangan Rancangan Pendidikan Individu dan perkembangan murid keperluan pendidikan khas masalah pendengaran di sekolah pendidikan khas?	65
4.5	Persoalan Kajian 2: Apakah tahap kompetensi guru Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran terhadap perancangan Rancangan Pendidikan Individu dan perkembangan murid keperluan khas masalah pendengaran di sekolah pendidikan khas?	68
4.6	Persoalan Kajian 3: Adakah terdapat hubungan antara kompetensi guru Sekolah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran dengan perancangan Rancangan Pendidikan Individu dan perkembangan murid keperluan khas masalah pendengaran di sekolah pendidikan khas?	69
4.7	Rumusan	74

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Ringkasan Kajian	75
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	76
5.3.1	Data Demografi Responden	77
5.3.2	Mengenalpasti elemen-elemen kompetensi guru terhadap perancangan Rancangan Pendidikan Individu dan perkembangan murid bekeperluan pendidikan khas masalah pendengaran di sekolah pendidikan khas.	78
5.3.2.1	Elemen Kompetensi Guru	78
5.3.2.2	Elemen Rancangan Pendidikan Individu	80
5.3.2.3	Elemen Perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	81
5.3.3	Mengenalpasti tahap kompetensi guru terhadap perancangan Rancangan Pendidikan Individu dan perkembangan murid bekeperluan pendidikan khas masalah pendengaran di sekolah pendidikan khas	83
5.3.3.1	Kelayakan Guru	83
5.3.3.2	Pengalaman Guru	85
5.3.3.3	Kemahiran Guru	86
5.3.3.4	Pengetahuan Guru	87
5.3.3.5	Kesediaan Guru	88
5.3.4	Mengenalpasti hubungan kompetensi guru dengan perancangan Rancangan Pendidikan Individu dan perkembangan murid bekeperluan pendidikan khas masalah pendengaran di sekolah pendidikan khas	90
5.4	Sumbangan Kajian	92
5.4.1	Sumbangan Kepada Literatur	93
5.4.2	Sumbangan Kepada Amalan	93

5.5	Implikasi Kajian	94
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	95
5.7	Kesimpulan	95
5.8	Penutup	96
	RUJUKAN	97
	LAMPIRAN 1-10	109
	BIOGRAFI PENKAJI	140
	SENARAI PENERBITAN	141



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Penyediaan Soal Selidik Kajian	53
3.2	Pakar Kesahan Instrumen	55
3.3	Interpretasi Skor <i>Cronbach Alpha</i> (Stephanie, 2014)	57
3.4	Skala Cronbach Alpha bagi Item Soal Selidik Keseluruhan	58
3.5	Ringkasan Analisis Kajian	60
4.1	Kenormalan Data	63
4.2	Analisis Demografi Responden	64
4.3	Analisis Dapatan Elemen-elemen Kompetensi Guru	66
4.4	Analisis Dapatan Elemen-elemen Perkembangan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas	68
4.5	Tahap Kompetensi Guru	69
4.6	Korelasi Antara Pembolehubah	70
4.7	Korelasi (r) antara elemen dalam pembolehubah dengan nilai ($p=0.000$)	70

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Konsep Kajian	14
2.1	Kerangka Teori Kajian	20
3.1	Proses Kajian (Ubahsuai daripada Chua, 2011)	52



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
1	Borang Soal Selidik	108
2	Senarai Sekolah Pendidikan Khas (SPK) yang Terlibat Dalam Kajian	120
3	Ujian Kebolehpercayaan Soal Selidik	121
4	Analisis Data Soal Selidik Kajian Rintis	125
5	Dapatan-dapatan Kajian	127
6	Bukti Penerbitan Scopus	132
7	Semakan Turnitin	135



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

BPKhas	-	Bahagian Pendidikan Khas
GPKPK	-	Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas
HSD	-	<i>Heartland School District</i>
IAB	-	Institut Aminudin Baki
IWS	-	<i>Index of Work Satisfaction</i>
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
JSS	-	<i>Job Satisfaction Survey</i>
KOMPAS	-	Kompetensi Kepimpinan Sekolah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
LBDQ	-	<i>Leader Behavior Description Questionnaire</i>
MBPK	-	Murid Berkeperluan Pendidikan Khas
NFI	-	<i>Normed Fit Index</i>
OKU	-	Orang Kelainan Upaya
PIMRS	-	<i>Principal Instructional Management Rating Scale</i>
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPI	-	Program Pendidikan Inklusif
PPKI	-	Program Pendidikan Khas Integrasi
RPI	-	Rancangan Pendidikan Individu
SPK	-	Sekolah Pendidikan Khas
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2018), pendidikan khas merupakan salah satu cabang pendidikan yang penting dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan khas yang wujud sejak tahun 1960-an ini memberikan makna yang sangat besar dalam menjamin kelangsungan pendidikan yang berkualiti terhadap murid-murid berkeperluan khas (MBPK) (Kasmawati, 2018). Terdapat tiga kategori utama MBPK dalam sistem pendidikan khas di Malaysia iaitu pendidikan khas masalah pembelajaran, pendidikan khas masalah pendengaran dan pendidikan khas masalah penglihatan (KPM, 2018).

Menurut laman web KPM (2018), pendidikan khas di Malaysia menyediakan tiga program utama yang menempatkan MBPK secara khusus. Pertama adalah sekolah pendidikan khas (SPK) yang sepenuhnya terdiri daripada MBPK yang ditempatkan dalam satu sekolah tertentu. SPK terbahagi kepada 2 kategori murid iaitu SPK bermasalah pendengaran dan SPK bermasalah penglihatan. Namun disebabkan peredaran masa dan keperluan penempatan, SPK ini telah dibuka untuk kemasukan murid bermasalah pembelajaran yang ditempatkan dalam kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (Amran *et al.*, 2019). Program kedua adalah Program Pendidikan Inklusif (PPI) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah perdana. Bagi program ini, beberapa MBPK yang terpilih akan menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran bersama-sama murid-murid normal di dalam satu kelas yang sama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Manakala program ketiga, KPM melalui Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) juga menyediakan Program Pendidikan Khas Integrasi

(PPKI) yang mana menempatkan MBPK secara bersama dalam satu komuniti sekolah, dan hanya dipisahkan melalui kelas atau blok tertentu dalam satu sekolah yang turut menempatkan murid-murid normal aliran perdana. Di antara ketiga-tiga program ini, SPK merupakan program pendidikan khas utama yang menempatkan pelbagai kategori murid bekeperluan khas (KPM, 2020).

Bagi sistem persekolahan SPK, terletak di bawah pengurusan Bahagian Pendidikan Khas, KPM manakala PPI dan PPKI terletak di bawah pengurusan Bahagian Sekolah Harian (KPM, 2018). Terdapat perbezaan kurikulum yang digunakan dalam sistem persekolahan ketiga-tiga kategori ini, SPK menggunakan silibus yang sama seperti aliran perdana dan dibezakan dengan silibus mata pelajaran tertentu untuk disesuaikan dengan ketidakupayaan murid (Ab Aziz & Rubiyani, 2018). Bagi murid MBPK yang mengikuti kelas PPI mereka akan mengikuti silibus yang sama seperti aliran perdana. Manakala MBPK yang mengikuti kelas PPKI akan menggunakan silibus khas yang berbeza khusus untuk murid bermasalah pembelajaran (Abdullah, 2014).

Menguruskan MBPK memerlukan seseorang guru memberikan fokus sepenuhnya terhadap mereka (Abdullah & Yassin, 2016). Kepelbagaian kategori MBPK ini menyaksikan pelbagai karehah muncul dalam kalangan mereka (Salleh, 2018). Dengan kepelbagaian dan rencam yang ada ini, semestinya pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas perlu berlaku secara seimbang dan merangkumi kepelbagaian tersebut (Derapa & Mohamed, 2018). Bagi menangani masalah ini jumlah murid dalam setiap kelas juga telah dikurangkan dan dihadkan kepada tujuh orang secara maksimum di dalam setiap kelas (Ahmad, 2014). Ini untuk memastikan setiap murid mendapat perhatian dan tumpuan guru semasa proses pembelajaran. Dalam menghadapi suasana ini, guru-guru yang terlibat seharusnya memerlukan pengetahuan dan juga tahap kompetensi yang tinggi bagi mengendalikan MBPK (Salleh, 2018). Oleh yang demikian, menjadi guru-guru pendidikan khas ini sangat penting dalam penyediaan mental, fizikal dan juga spiritual serta mempunyai kompetensi yang selayaknya (Ahmad & Hanifah, 2015).

Kompetensi yang dimaksudkan adalah tahap pengetahuan, kesediaan, kemahiran, pengalaman dan juga kelayakan seseorang guru dalam melaksanakan pengajaran terhadap MBPK (Derapa & Mohamed, 2018). Pengetahuan yang cukup adalah sangat penting dalam menjadikan pelaksanaan dan aplikasi pengajaran mereka

berfokus dan relevan terhadap MBPK (Ali & Hassan, 2014). Selain itu, kesediaan dalam pelbagai aspek juga merupakan perkara penting yang perlu diberikan perhatian oleh guru-guru pendidikan khas. Bahkan, untuk menjadi seorang guru yang kompeten, elemen kemahiran juga perlu dikuasai oleh guru-guru pendidikan khas. Sebagai nilai tambah kepada elemen kompetensi, kelayakan dan pengalaman guru menjadi pendorong dalam menjadi seorang guru pendidikan khas yang kompeten. Kompetensi ini sangat penting bukan sahaja kepada pengajaran di dalam kelas, malah ianya juga penting dalam menentukan kemahiran guru-guru pendidikan khas dalam menjalankan pentaksiran terhadap MBPK (Mohd Nasir, 2016). Kajian Derapa dan Mohamed (2018) yang menyatakan bahawa 45% guru PPKI tidak bersedia untuk mengajar perkara baru dalam pengenalan dasar. Kajian mereka boleh dikaitkan dengan pelaksanaan pentaksiran domain pendidikan khas yang juga baru diperkenalkan. Begitu juga dengan kajian oleh Salleh (2018) yang menyatakan bahawa guru-guru PPKI tidak mempunyai nilai kompetensi yang cukup dalam rancangan pendidikan individu (RPI) masalah pendengaran.

Rancangan Pendidikan Individu merupakan rancangan pengajaran yang dibuat bagi memenuhi keperluan murid tertentu (Amanda *et al.*, 2009). RPI antara setiap murid berbeza kerana rancangan yang dibuat adalah berdasarkan kepada sidang, matlamat, tahap keupayaan dan akademik berfungsi murid (Moridan, 2013). RPI ini sangat penting dalam menentukan kelansungan pembelajaran murid bekeperluan khas di sekolah. Rancangan pengajaran yang tepat dan relevan bagi setiap murid mampu untuk menyediakan pendidikan yang selayaknya kepada mereka (Toran *et al.*, 2012). Dengan mengambilkira kepelbagaian tahap dan kategori pendidikan khas yang dihadapi, RPI merupakan inisiatif yang terbaik yang boleh diberikan kepada MBPK bagi menentukan perkembangan mereka secara lebih spesifik (Toran & Zalizan, 2012).

Menurut Jachova *et al.*, (2018), perancangan RPI yang baik dan khusus mengikut tahap keupayaan MBPK mampu mengubah tingkah laku negatif murid seterusnya dapat membantu mereka memberi tumpuan dalam akademik dengan lebih baik. Kajian oleh Victoria *et al.*, (2015) pula menyatakan perancangan RPI yang berstruktur dan berfungsi perlu dilakukan untuk MBPK yang bermasalah pertuturan seawal mungkin agar murid dapat bertutur dengan baik dan membantu murid berkomunikasi dengan murid lain. Perancangan RPI yang berkesan pada peringkat awal

juga perlu bagi mengelakkan masalah lain timbul seperti masalah sosial yang disebabkan murid tidak pandai cara berkomunikasi dengan rakan (Victoria *et al.*, 2015).

Dalam merangka RPI yang berkesan bagi MBPK pendengaran, kemahiran dan kemampuan seorang guru sangat perlu untuk menjamin masa depan yang baik kepada MBPK itu sendiri (Iswari *et al.*, 2019). Namun usaha yang dijalankan bagi menentukan perkembangan yang baik kepada MBPK terhalang oleh tahap kompetensi guru dalam penyediaan RPI terhadap MBPK pendengaran yang relevan dan berkesan (Moridan, 2013). Halangan-halangan yang timbul dalam penyediaan RPI ini seterusnya akan membuatkan kemenjadian MBPK pendengaran tergendala (Asa, 2013). Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini diharap mampu untuk memberikan sedikit sumbangan dalam menentukan kompetensi yang terbaik buat guru-guru supaya dapat diaplikasikan dalam pembinaan RPI yang relevan dan efektif MBPK pendengaran. Keadaan ini dapat membantu dalam peningkatan akademik dan pencapaian mereka di sekolah.

1.1 Latarbelakang Kajian

Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas perlu dirancang dengan baik sebelum proses bermula. Dalam menjadikan proses pembelajaran bermakna dan tersusun, maka setiap guru di Malaysia dipertanggungjawabkan untuk menyediakan rancangan pengajaran harian (RPH) sebelum sesi kelas bermula (Zaharah & Nurulwahida, 2016). RPH ini merupakan dokumen yang menunjukkan perancangan guru dalam melaksanakan proses pembelajaran di dalam kelas bagi sesuatu sesi. Dengan berpandukan kepada RPH, perjalanan pengajaran guru berlaku dengan baik. Namun begitu, perancangan RPH tidak memberikan manfaat penuh kepada MBPK kerana setiap mereka mempunyai tahap kefungsiian yang berbeza. Oleh yang demikian, guru perlu merancang pengajaran bagi setiap murid. Maka, terbentuklah rancangan pendidikan individu (RPI), yang lebih berfokus dan spesifik kepada MBPK. Penggunaan RPI dalam proses pembelajaran membuatkan guru-guru terpaksa untuk merancang pengajaran bagi setiap murid dan bukan lagi bagi setiap kelas (Asfaruddin & Ahmad, 2016). Keadaan ini menimbulkan permasalahan seperti kerja yang banyak serta tempoh masa yang terhad dalam merancang pengajaran (Toran *et al.*, 2012). Selain itu, pengajaran yang dirancang juga perlu pelbagai dan menarik. Kadangkala

guru-guru akan mengalami masalah dan kebuntuan dalam merancang pengajaran yang terbaik mengikut kesesuaian MBPK (Bahrum *et al.*, 2015). Kajian oleh Tinde *et al.* (2016) mendapati bahawa RPI memerlukan komitmen daripada guru-guru dalam merancang, melaksana dan menentukan pencapaian MBPK pendengaran berdasarkan kepada elemen RPI iaitu sidang, matlamat, tahap keupayaan serta akademik berfungsi MBPK. Menurut Amran *et al.* (2019), berjaya atau tidak pelaksanaan bagi RPI bergantung kepada pelbagai faktor dalaman dan luaran. Permasalahan guru dalam melaksanakan RPI yang berkesan ini akan memberikan kesan pula kepada perkembangan MBPK pendengaran secara keseluruhannya (Bakar, Che Aman & Syed Abdullah, 2017).

Faktor yang menyebabkan perancangan RPI tidak berkesan yang pertama adalah kerana MBPK pendengaran juga terdiri daripada pelbagai masalah sampingan dan kategori (Amran *et al.*, 2019). Menurut Bali dan Othman (2017), kepelbagaian kategori MBPK pendengaran dan kefungsiannya yang berbeza-beza memerlukan perancangan yang rapi dan relevan terhadap pembelajaran mereka (Bandu & Zulizan, 2012). Keadaan ini memaksa guru-guru memerah idea untuk merancang RPI dengan lebih spesifik. Kajian oleh Mahabbati (2014) mendapati bahawa kepelbagaian murid menjadikan perancangan pendidikan bagi setiap individu itu sesuatu yang rumit untuk dirancang dan dilaksanakan. Kajian tersebut juga mendapati bahawa RPI yang dirancang dengan baik mempunyai hubungan langsung dengan perkembangan MBPK.

Namun begitu, faktor yang utama dalam menyebabkan RPI kepada MBPK pendengaran ini tidak dapat dirancang dengan baik adalah disebabkan oleh faktor guru yang tidak kompeten (Bjorklund, 2000). Pelbagai kajian telah dijalankan dalam membuktikan masalah ini. Menurut Abdullah dan Yassin (2018), tahap kompetensi guru-guru dalam perancangan RPI MBPK pendengaran masih pada tahap sederhana di mana terdapat guru yang tidak mempunyai pengetahuan yang cukup dalam perancangan RPI ini. Dalam perbincangan kajian tersebut, didapati bahawa pengetahuan guru mempunyai hubungan positif dengan perancangan RPI yang berkesan. Mahabbati (2014) juga menyatakan bahawa ramai dalam kalangan guru-guru masih lagi tidak memenuhi kriteria kompetensi yang baik untuk melaksanakan RPI bagi MBPK pendengaran dengan berkesan. Tahap kompetensi yang tidak begitu memuaskan telah menyebabkan guru-guru pendidikan khas ini tidak dapat merancang dengan baik pengajaran mereka kepada MBPK pendengaran (Bandu *et al.*, 2012).

Masalah ini timbul apabila guru sendiri tidak mempunyai pengetahuan yang cukup berkaitan perancangan RPI (Mahabbati, 2014). Kajian Jachova *et al.* (2018) mendapati bahawa pengetahuan guru-guru pendidikan khas dalam perancangan RPI terhadap MBPK pendengaran masih berada dalam tahap rendah. Mereka juga menyatakan bahawa guru-guru terlibat juga bukan sahaja tidak mempunyai pengetahuan berkaitan RPI, malah pengetahuan yang menyeluruh berkaitan pendidikan khas itu sendiri. Dalam kajian tersebut juga menyatakan bahawa pengetahuan guru-guru mempengaruhi perancangan RPI mereka. Victoria *et al.* (2015) juga mengakui bahawa pengetahuan berkaitan penulisan dan perancangan RPI yang berkesan masih belum dikuasai secukupnya oleh guru-guru mempunyai pengaruh langsung kepada keberkesanan perancangan RPI. Mereka menekankan bahawa permasalahan ini telah menyebabkan berlakunya kelompongan dalam penghasilan RPI yang tepat dan relevan. Chiang (2018) juga menyatakan bahawa pengetahuan berkaitan RPI perlu dititiberatkan oleh guru-guru pendidikan khas agar hasil RPI yang dirancang memenuhi keperluan MBPK pendengaran. Hasil kajian beliau juga mencatatkan bahawa pengetahuan guru mempunyai hubungan positif dalam perancangan RPI kepada MBPK.

Guru pendidikan khas di SPK yang mengajar MBPK bermasalah pendengaran juga dilihat kurang persediaan dalam melaksanakan RPI ini (Chong & Shaffe, 2017). Kajian oleh Karen (2015) mendapati bahawa perancangan RPI yang tidak berkesan adalah hasil daripada tahap kesediaan guru-guru dalam menerima serta memahami perancangan RPI yang betul. Selain itu, Mey *et al.* (2014) juga berpendapat bahawa, persediaan dalam kalangan guru-guru itu sendiri sangat penting sebelum sesuatu RPI yang berkesan dapat disediakan. Lewis (2019) juga melontarkan dapatan kajian yang serupa iaitu majoriti guru-guru pendidikan khas masih dalam keadaan tidak bersedia sepenuhnya dalam perancangan RPI di sekolah. Ini kerana banyak perkara yang perlu dipertimbangkan oleh guru sebelum mereka merancang sesuatu yang relevan terhadap kelebihan dan kekurangan seseorang MBPK pendengaran. Ketiga-tiga kajian yang dinyatakan telah mendapati bahawa tahap kesediaan guru mempengaruhi keberkesanan RPI.

Selain itu, guru-guru di SPK bermasalah pendengaran juga tidak mempunyai kemahiran yang sesuai dalam melaksanakan RPI (Lewis, 2019). Antara kajian yang berkaitan adalah Asa (2013) yang mendapati bahawa guru-guru tiada kemahiran khusus berkaitan menentukan kategori murid, menilai tahap kebolehan murid, merangka

strategi pengajaran mengikut tahap murid dan juga tiada kemahiran dalam melaksanakan proses pedagogi yang betul. Karen (2015) juga berpendapat bahawa kegagalan merancang RPI yang berkesan adalah berpunca daripada kurangnya kemahiran guru-guru dalam menentukan strategi sesuai bagi setiap keupayaan murid yang pelbagai. Mey *et al.* (2014) dalam kajian mereka terhadap RPI bagi MBPK pendengaran mendapati bahawa perancangan RPI kelihatan kekok kerana guru-guru tidak mempunyai kemahiran khusus dalam melaksanakannya.

Malah yang lebih menimbulkan masalah adalah kelayakan guru-guru yang berada di SPK itu sendiri berkaitan pendidikan khas (Karen, 2015). Kajian oleh Kurth (2010) mendapati bahawa kekeliruan dalam pelaksanaan dan perancangan RPI adalah kerana guru-guru yang diletakkan dalam tanggungjawab tersebut bukanlah berkelayakan seperti sepatutnya. Beliau mendedahkan bahawa guru-guru dalam aliran pendidikan khas ada di antaranya masih baru dan juga bukan dalam opsyen pendidikan khas. Beliau juga menjelaskan bahawa keadaan tersebut menjadikan perancangan RPI menjadi tidak lengkap dan mengalami kecacatan. Lewis (2019) juga menyatakan bahawa kelayakan seorang guru dalam akademik dan ikhtisas memberikan ruang yang lebih baik dalam perancangan RPI yang berkesan kerana ianya menunjukkan seseorang guru itu mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan RPI.

Pengkaji telah menjalankan tinjauan awal bagi menentukan permasalahan bagi isu ini. Dalam temubual awal pengkaji bersama lima orang guru yang mengajar di SPK bermasalah pendengaran, kesemua mereka bersetuju bahawa mereka kurang didedahkan dengan kaedah yang betul dalam menyediakan RPI terhadap MBPK pendengaran. Guru A menyatakan bahawa, tiada kemahiran khusus yang diterapkan kepada guru-guru di SPK masalah pendengaran dalam penyediaan RPI. Beliau juga masih kabur dalam kaedah yang tepat untuk penyediaan RPI yang berkesan. Hujah tersebut dipersetujui oleh Guru B. Beliau mengakui bahawa tiada pengetahuan yang cukup dalam penyediaan RPI yang terbaik. Guru C dan Guru D pula menjelaskan bahawa mereka tiada pengalaman dalam menyediakan RPI kerana mereka bukanlah guru yang mempunyai kelayakkan ikhtisas dalam pendidikan khas masalah pendengaran. Manakala Guru E menjelaskan bahawa, kesediaan beliau agak kurang jika dibandingkan dengan guru-guru lain dalam menyediakan RPI.

Perancangan RPI yang berkesan terdiri daripada empat elemen utama iaitu faktor keupayaan, akademik berfungsi, matlamat dan sidang (KPM, 2020). Elemen utama dalam perancangan RPI ialah faktor keupayaan. Guru-guru perlu mengenalpasti faktor keupayaan murid dengan tepat pada awal tahun untuk menentukan objektif RPI (Baumel, 2014). Faktor keupayaan yang perlu diberi perhatian untuk membina RPI yang baik ialah pengenalpastian kesediaan dan kekuatan murid serta kekurangan dan kekangan murid terhadap kurikulum yang digunapakai (KPM, 2020). Namun begitu, kajian oleh Christine dan Mitchell (2010) mendapati bahawa, guru-guru tidak menitikberatkan elemen ini ketika merancang RPI kepada MBPK bermasalah pendengaran.

Elemen akademik berfungsi yang perlu dititikberatkan bagi mendapatkan RPI yang baik ialah kurikulum yang digunakan, matlamat jangka pendek, objektif dan intervensi yang akan digunakan (KPM, 2020). Menurut Baumel (2014) elemen akademik perlu dimasukkan ke dalam penulisan RPI bagi MBPK bermasalah pendengaran agar ianya dapat membantu dalam menentukan perancangan RPI yang berkesan. Oleh yang demikian, guru-guru terlibat perlulah meneliti elemen akademik dalam merancang RPI (Baumel, 2014). Kebanyakan guru-guru yang diamanahkan untuk merancang RPI tidak meneliti secara terperinci berkaitan elemen ini (Christine & Mitchell, 2010).

Elemen matlamat yang baik dalam memastikan RPI yang ditulis adalah berkesan ialah menentukan matlamat jangka panjang yang akan digunakan sepanjang perancangan RPI (KPM, 2020). Menurut Baumel (2014), perancangan RPI yang berkesan terhadap MBPK bermasalah pendengaran perlu mempunyai matlamat yang jelas dan spesifik. Malangnya, menurut kajian oleh Christine dan Mitchell (2010) telah mendapati bahawa, guru-guru yang terlibat tidak dapat menentukan matlamat yang tepat dan jelas dalam perancangan RPI terhadap MBPK bermasalah pendengaran. Kenyataan ini selari dengan kajian oleh Bandu, Hanafi dan Mokhtar (2012) yang turut menyatakan perkara yang sama.

Elemen sidang yang berkesan pula terdiri daripada tarikh mesyuarat RPI, jenis sidang dan tujuan sidang diadakan (KPM, 2020). Sidang ini biasanya melibatkan guru RPI, GPK Pendidikan Khas, terapis dan ibu bapa (Kupper, 2010). Dalam menjamin perancangan RPI yang berkesan, elemen sidang ini perlu diberikan perhatian sewajarnya kerana ianya melibatkan pihak luar iaitu ibu bapa. Kecenderungan untuk

menentukan matlamat dalam sidang adalah cara yang terbaik dalam menentukan hala tuju RPI tersebut (Baumel, 2014). Namun begitu, kajian oleh Christine dan Mitchell (2010) menyatakan bahawa, guru-guru tidak mengadakan sidang terlebih dahulu sebelum merancang RPI dan menyebabkan RPI kurang berkesan. Hal ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Muhammad dan Sulaiman (2011) yang mendapati bahawa penglibatan satu jawatankuasa bagi menyokong pembinaan sesuatu RPI mampu menghasilkan RPI dengan lebih berkesan.

Perancangan RPI yang berkesan berupaya untuk meningkatkan perkembangan MBPK bermasalah pendengaran secara holistik. Perkembangan ini dapat dinilai melalui empat aspek utama iaitu akademik, sahsiah, sukan dan kokurikulum. Aspek pertama dalam menilai perkembangan murid adalah perkembangan akademik. Kajian oleh Mohd Hanafi *et al.* (2012) mendapati bahawa, akademik memberikan indikator yang penting dalam menentukan tahap pencapaian murid di sekolah, khususnya bagi MBPK bermasalah pendengaran. Hal ini disokong oleh kajian Matthew, Andres dan Wendy (2016) yang turut menyatakan bahawa, akademik menjadi ukuran utama dalam menentukan peningkatan pencapaian MBPK bermasalah pendengaran di sekolah. Kajian mereka menyimpulkan bahawa RPI yang dirancang dengan baik mempengaruhi perkembangan MBPK.

Selain akademik, aspek sahsiah juga menjadi penentu kepada peningkatan pencapaian MBPK bermasalah pendengaran di sekolah. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa aspek sahsiah merupakan aspek penting dalam memberikan pernyataan berkaitan perkembangan MBPK bermasalah pendengaran (Mark & Patricia, 2003). Kajian oleh Siti Muhibbah dan Zetty Nurzuliana menyatakan bahawa MBPK bermasalah pendengaran yang menunjukkan sahsiah yang tinggi dapat membantu mereka untuk menjalani pembelajaran yang berkesan di sekolah. Kenyataan ini selari dengan kajian oleh Muhd Hanafi *et. al* (2012) yang berpendapat bahawa sahsiah dapat menjamin kemenjadian yang berkualiti kepada MBPK bermasalah pendengaran.

Selain itu aspek perkembangan kokurikulum turut mempengaruhi perkembangan murid. Menurut kajian Bailey, Cope dan Pearce (2013) penglibatan murid dalam aktiviti sukan dapat mengembangkan bakat murid dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Perkembangan murid dalam kokurikulum juga dapat meningkatkan keyakinan diri murid melalui penglibatan dalam pertandingan sukan, permainan ataupun badan beruniform (Osmayati, 2008). Perkembangan kokurikulum

